

19 OCT 2001

REAKSI-NASCOM

KENAIKAN GAJI DAN ELAUN BANTU TINGKAT PASARAN KOMPUTER

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Pasaran komputer dalam negara dijangka terus meningkat memandangkan Belanjawan 2002 hari ini memberi tumpuan kepada kenaikan gaji sektor awam, bonus serta kenaikan elaun kakitangan perubatan, demikian menurut Perbadanan Komputer Nasional Bhd (NASCOM).

Ketua pegawai eksekutif NASCOM Zulkifli Amin Mamat di dalam satu kenyataan akhbar berkata belanjawan kali ini memberi kelebihan kepada pengusaha teknologi maklumat (IT) kerana terdapatnya penambahan peruntukan untuk projek aplikasi, sekolah bestari, peningkatan pengkomputeran di jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah.

Beliau menambah dengan adanya perancangan belanjawan untuk program e-dagang, ianya dapat mewujudkan satu infrastruktur elektronik yang cukup baik kepada usahawan tempatan yang sebelum ini keberatan untuk menggunakan laman web kerana kos yang tinggi.

"Dengan adanya belanjawan seumpama ini, lebih banyak syarikat e-dagang di Malaysia boleh mempercepatkan segala urusan kewangan dan sekaligus meningkatkan teknologi seumpama ini di Malaysia," kata Zulkifli.

Di dalam pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menyatakan kerajaan memperuntukkan RM112.7 juta untuk projek utama Kerajaan Elektronik, RM72.3 juta untuk sekolah bestari, RM20 juta untuk tele-perubatan, RM86.3 juta untuk kad pintar dan RM9.5 juta untuk aplikasi bersepadu. -- BERNAMA

NN AA